

PERUTUSAN



**JABATAN PERDANA MENTERI
UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN PERANCANGAN PENGURUSAN MALAYSIA
(MAMPU)**



JABATAN PERDANA MENTERI
UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN
PERANCANGAN PENGURUSAN MALAYSIA
(MAMPU)

PERUTUSAN KETUA PENGARAH MAMPU

Bismillahirrahmanirahim
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Era digital telah bertapak di negara kita seiring dengan perubahan yang berlaku di peringkat global. Perkembangan pesat bidang teknologi maklumat mencetuskan inovasi serta ledakan aplikasi data raya bagi perancangan dan pembuatan keputusan. Pengaplikasian data raya ini adalah signifikan untuk meningkatkan produktiviti dan mengurangkan kos operasi organisasi. Daripada perspektif perkhidmatan awam, hasil analitik data raya dapat meningkatkan penyampaian perkhidmatan kerajaan secara lebih cekap, berkesan dan terangkum.

II



Cabaran baharu akibat pandemik COVID-19 telah merancakkan penggunaan analitis data raya yang membuktikan kepentingannya dalam membantu agensi merangka tindakan yang tepat dan berkesan bagi menangani isu kesihatan awam, kemelesetan ekonomi dan penularan wabak ini.

MAMPU sebagai agensi peneraju agenda pendigitalan sektor awam telah melaksanakan beberapa projek analitis data raya semenjak tahun 2015. Kesungguhan dan kesinambungan MAMPU dalam melestarikan projek ini telah diterjemahkan melalui Pelan Strategik ICT Sektor Awam 2015-2020, Pelan Pendigitalan Sektor Awam 2021-2025 dan Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL) yang menekankan penggunaan analitis data raya dalam memacu transformasi digital sektor awam.

Penggunaan analitis data raya sentiasa dipertingkatkan untuk memenuhi hala tuju kerajaan bagi memacu transformasi digital dalam penyampaian perkhidmatan berdasarkan peluasan penggunaan data dan keperluan rakyat.

Justeru, buku Kembara DRSA ini dihasilkan tepat pada masanya agar dapat menjadi wadah untuk merekodkan perkembangan inisiatif analitis data raya dalam perkhidmatan awam. Adalah menjadi harapan kami agar inisiatif ini mempertingkatkan koleksi institusi memori negara kita disamping menjadi rujukan kepada sektor awam.



DATUK SERI DR. YUSOF BIN ISMAIL
KETUA PENGARAH
MAMPU



JABATAN PERDANA MENTERI
UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN
PERANCANGAN PENGURUSAN MALAYSIA
(MAMPU)

PERUTUSAN TIMBALAN KETUA PENGARAH MAMPU (ICT)

Bismillahirrahmanirahim
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Mengekalkan momentum kecemerlangan sistem penyampaian perkhidmatan awam merupakan matlamat utama agensi sektor awam. Tanda aras kecemerlangan ini sentiasa berevolusi selari dengan perkembangan teknologi terkini dan MAMPU juga berhasrat untuk mempergiat inisiatif pendigitalan dalam perkhidmatan kerajaan agar kekal relevan, berinovasi dan responsif dengan setiap keperluan semasa seiring fungsinya sebagai agensi pusat yang mentransformasikan sistem penyampaian perkhidmatan awam.

IV



Mandat yang diberikan oleh YAB Perdana Menteri dalam mesyuarat Majlis Pelaksanaan MSC Malaysia (ICM) Bilangan 25 pada 14 November 2013 supaya Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) dan MAMPU berkolaborasi menerajui pelaksanaan analitis data raya (Big Data Analytics [BDA]) di sektor awam. Pelaksanaan hendaklah sentiasa memikirkan penambahbaikan dari aspek perancangan dan pelaksanaan yang lebih tersusun bagi memastikan data raya dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh sektor awam.

Analitis Data Raya Sektor Awam (DRSA) merupakan salah satu inisiatif pendigitalan yang membolehkan penyampaian perkhidmatan awam disalurkan dengan lebih tuntas melalui kemahiran membuat keputusan yang lebih baik serta mencetuskan nilai-nilai baharu dalam meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan.

Penglibatan agensi sektor awam dalam memanfaatkan analitis data raya akan terus dipertingkatkan dari semasa ke semasa dengan memberi kefahaman, khidmat nasihat, rundingan, bimbingan dan latihan berkaitan data raya berdasarkan konsep *data centric by design* di dalam pembangunan sistem sebagai persediaan untuk menyokong inisiatif yang melibatkan perkongsian data dan data terbuka.

Cabaran dalam pelaksanaan DRSA tetap ada, namun pasukan pelaksana MAMPU sentiasa komited memberikan perkhidmatan kepada sektor awam untuk terus mengeksplorasi, menganalisis dan mempersembahkan kelebihan data raya bagi memastikan negara tidak ketinggalan dalam memanfaatkan teknologi data raya dan menikmati nilai-nilai kepintaran data yang dihasilkan daripadanya.



TUAN HAJI AZIH BIN YUSOF
TIMBALAN KETUA PENGARAH (ICT)
MAMPU



JABATAN PERDANA MENTERI
UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN
PERANCANGAN PENGURUSAN MALAYSIA
(MAMPU)

PERUTUSAN PENGARAH BAHAGIAN KERAJAAN DIGITAL

Bismillahirrahmanirahim
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

MyDIGITAL merupakan aspirasi kerajaan yang menyediakan kerangka bagi pelaksanaan transformasi digital Malaysia demi mencapai visi Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 untuk menikmati kesejahteraan sosial, kelestarian alam sekitar dan keamanan ekonomi negara. Bahagian Kerajaan Digital (BKD) telah dipertanggungjawab melaksanakan inisiatif Data Raya Sektor Awam (DRSA) bagi memperkasa inisiatif berpacuan data berdasarkan perkhidmatan digital kerajaan yang bersepadu, terangkum dan selamat.



Sejak pelaksanaan DRSA pada tahun 2015, pencapaiannya di sektor awam boleh dilihat dengan kejayaan pelbagai program, projek dan aktiviti. Antara kejayaannya adalah membangunkan platform Analitis DRSA untuk guna sama agensi, menerbitkan Pekeliling Transformasi Pentadbiran Awam (PTPA) Bil. 1 Tahun 2017 mengenai Pelaksanaan Analitis Data Raya Sektor Awam (aDRSA) yang mengandungi Tadbir Urus, Metodologi, Rangka Kerja DRSA dan panduan pelaksanaan BDA, pembangunan produk data bersama agensi secara *coaching* atau lantikan pihak ketiga (third party), mengadakan latihan kompetensi dan kursus pensijilan dalam bidang Sains Data bagi meningkatkan pengetahuan dan kompetensi penjawat awam dalam bidang Sains Data serta memberi khidmat nasihat dan perundingan melalui penganjuran bengkel kesedaran BDA dan penyediaan keperluan kes bisnes (business requirement specification) untuk agensi melaksanakan analitis data raya.

Secara umumnya, sepanjang tempoh enam tahun pelaksanaan DRSA, dapat diperhatikan terdapat peningkatan kesedaran, pemahaman dan penerimaan agensi sektor awam tentang peri pentingnya penggunaan BDA dalam membantu agensi merancang dan membuat keputusan yang tepat dan berkesan.

Sebagai penggerak dan peneraju transformasi penyampaian perkhidmatan awam, MAMPU akan terus memastikan penyampaian perkhidmatan awam berpacuan data sentiasa ditambah baik selari dengan agenda transformasi negara untuk memberikan perkhidmatan yang efektif, efisien, dan responsif.



DR. FAZIDAH BINTI ABU BAKAR
PENGARAH
BAHAGIAN KERAJAAN DIGITAL
MAMPU

